

28/03/1997

Malaysia pintu masuk firma Jepun

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Khamis - Malaysia boleh dijadikan pintu masuk bagi syarikat Jepun untuk menerokai kerjasama dengan negara membangun lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan banyak negara membangun.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi ke Jepun berkata demikian di majlis jamuan anjuran Persekutuan Pertubuhan Majikan Jepun (Nikkeren) di sini, tengah hari ini.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia juga sudah mempunyai Pertubuhan Selatan-Selatan Malaysia (Massa) yang ditubuhkan lima tahun lalu bagi menghubungkan syarikat di rantau Asia yang mahu mencari rakan usaha sama di negara yang memerlukan pelaburan asing.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan menggariskan beberapa keistimewaan yang ditawarkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menarik syarikat Jepun menyertainya.

Antara keistimewaan itu ialah:

- * MSC menawarkan infrastruktur yang terbaik termasuk dilengkapi lapangan terbang baru, perkhidmatan kereta api transit laju dan lebuhraya yang menghubungkan Kuala Lumpur.

- * Mempunyai dua kota pintar, iaitu Putrajaya yang akan menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan elektronik Malaysia dan Cyberjaya yang dilengkapi bangunan pintar, universiti multimedia, tempat rekreasi dan pusat perniagaan dan kediaman.

- * Menyediakan rangkaian multimedia yang mempunyai talian langsung ke Amerika Syarikat, Jepun, Eropah dan negara Asean lain.

- * Membentuk Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk mengurus dan memasarkan MSC, dan

- * Syarikat yang menyertai MSC tidak akan menghadapi karenah birokrasi.

Malah, kata Dr Mahathir, beliau sendiri serta Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan mengawasi sendiri aktiviti MDC dan akan cuba menyelesaikan apa jua isu atau masalah yang dibawa.

(END)